

**NO. SOALAN : 369**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT  
[ HULU LANGAT ]**

**SOALAN :**

**YB. Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan sambutan pelancong dalam program Malaysia sebagai rumah kedua (Malaysia My Second Home-MM2H) dan syarat-syarat yang dikenakan kepada mereka.**

**JAWAPAN :**            **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Program Malaysia My Second Home (MM2H) merupakan satu program "long stay" bagi menarik dan menawarkan peluang kepada warganegara asing yang berkelayakan untuk tinggal lebih lama dan belanja lebih banyak di Malaysia. Peserta Program MM2H akan diberikan Pas Lawatan Sosial selama 10 tahun berserta dengan "Multiple Entry Visa".

Sejak Program MM2H dilancarkan pada tahun 2002 sehingga Februari 2016, seramai 29,468 permohonan warganegara asing daripada 124 buah negara telah diluluskan.

Berhubung dengan syarat-syarat kelayakan, di bawah Program MM2H, setiap permohonan hendaklah:-

- I. mematuhi kriteria kewangan mengikut kategori umur (50 tahun ke atas atau di bawah 50 tahun) iaitu dari segi pendapatan bulanan dari luar negara, aset cair dan simpanan tetap di bank Malaysia;
- II. mempunyai rekod kesihatan yang baik dan perlindungan insurans;
- III. tidak mempunyai sebarang rekod jenayah dengan mengemukakan "Letter of Good Conduct" yang dikeluarkan oleh pihak keselamatan negara masing-masing; dan
- IV. lulus tapisan keselamatan yang dijalankan oleh Polis Di-Raja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia.

Butiran terperinci mengenai syarat-syarat kelayakan ini boleh diperolehi melalui laman sesawang rasmi MM2H iaitu [www.mm2h.gov.my](http://www.mm2h.gov.my) .

Sekian, terima kasih.

**SOALAN ( 370 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD  
[ SHAH ALAM ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [ SHAH ALAM ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengenakan kawalan terhadap harga perumahan kos rendah dan sederhana di seluruh negara.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Majlis Perumahan Negara (MPN) telah bersetuju menetapkan harga siling bagi penjualan seunit Rumah Mampu Milik (RMM) ditetapkan sebanyak RM300,000. Paras harga ini juga telah pun dibincangkan dan dipersetujui oleh semua Exco Perumahan Kerajaan Negeri. Langkah ini akan dapat menterjemahkan definisi RMM dengan lebih tepat dan memudahkan pemantauan dibuat oleh pelbagai pihak.